

BERITA HARIAN : 13.09 .1999.

Kampus UMS siap menjelang tahun 2005

KAMPUS tetap Universiti Malaysia Sabah (UMS) bernilai RM1.12 bilion, di Teluk Sepanggar, Likas dijangka siap sepenuhnya pada 2005, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman.

Bagaimanapun, menurut beliau, penyediaan bangunan serta kemudahan Fasa Satu A mengandungi sembilan kompleks kampus itu dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2000.

"Sementara itu, Fasa Dua B kampus tetap itu pula merangkumi tujuh bangunan siap penghujung 2000 atau selewat-lewatnya awal 2001," katanya di sidang akhbar mengumumkan mengenai konvokesyen pertama universiti itu, di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Seramai 648 pelajar, termasuk 271 dari Sabah, menerima ijazah masing-masing daripada Yang Dipertua Negeri yang juga Canselor UMS, Tun Sakaran Dandai dalam konvokesyen yang

berlangsung di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, kelmarin.

Menurut beliau, pembubuhan universiti itu di Sabah bertujuan memenuhi rancangan kerajaan untuk melaksanakan sistem pendidikan bermula di negara ini, setanding kemudahan yang terdapat di luar negara.

Dr Abu Hassan berkata, UMS memulakan pengajian pertama di Sabah dengan 205 pelajar di dua kampus sementara iaitu Jalan Tuaran dan bangunan milik Yayasan Sabah, Likas pada 1995.

"Ketika itu, UMS hanya mengandungi tiga sekolah iaitu Sekolah Sains dan Teknologi; Sekolah Perniagaan dan Ekonomi; serta Sekolah Sains Sosial," katanya.

Sejak jauh dengan kemajuan yang dicapai oleh universiti itu, UMS kini mewujudkan sekolah baru iaitu Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat serta Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial.